

## **DBKL salur RM7 juta bantu pembangunan skwad Warga Kota**

**Kuala Lumpur:** Pembangunan bola sepak di Kuala Lumpur (KL) termasuk kejayaan pasukan Kuala Lumpur City FC (KL City) di persada bola sepak tempatan banyak dibantu oleh Datuk Bandar, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh yang juga peminat nombor satu skuad Warga Kota.

Keprihatinan dan kesungguhan Kamarulzaman dalam menyumbang pembangunan bola sepak di KL cukup besar dan ia mendapat pujian serta penghargaan daripada Persatuan Bolasepak Kuala Lumpur (KLFA).

Naib Presiden KLFA, Syed Yazid Syed Omar berkata, tidak ramai yang mengetahui bahawa sebenarnya kejayaan skuad KL City di dalam saingan Liga Malaysia (Liga M) sebenarnya banyak dibantu oleh Datuk Bandar menerusi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

“Bagi saya Datuk Bandar (Kamarulzaman) umpama wira yang jarang didendangkan. Pembabitian Datuk Bandar kepada pembangunan bola sepak di KL ini cukup besar sekali. Sumbangan dana yang diberikan kepada KLFA banyak membantu persatuan untuk menggerakkan aktiviti dan program pembangunan di sekitar KL.

“Malah, KLFA yang turut memegang sebahagian saham dalam KL City juga menerima dana daripada DBKL untuk memastikan KL City bersaing dalam Liga M. Kita perlu berterima kasih kepada Datuk Bandar yang sentiasa mengambil berat dan cakna bola sepak di KL ini,” katanya.

Difahamkan, untuk musim ini DBKL sudah menyalurkan sebanyak RM7 juta buat menyokong pembangunan bola sepak di KL.